

Headline **Suntik HIV di paha isteri**
Date **07 Dec 2009**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Global**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **29**
Article Size **151 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **1,487**
PRValue **4,460**



Suntik HIV di paha isteri

Helah lelaki pembawa virus mahu tidur pasangan

WELLINGTON: Seorang lelaki pembawa HIV mengaku menyuntik darahnya kepada isteri ketika wanita itu tidur untuk menjangkitkan virus maut berkenaan, lapor akhbar semalam.

Difahamkan, lelaki terbabit sengaja mahu menyebabkan isterinya membawa virus itu supaya dia dapat mengadakan hubungan seks dengan wanita terbabit.

Sunday Star-Times melaporkan, dokumen mahkamah menunjukkan lelaki itu menyuntik isterinya dua kali dengan virus itu.

Pada masa lain, isteri ter-

tuduh melihat dia memegang satu jarum penyuntik penuh berisi darah.

Tertuduh, 35, mengaku menyebarkan HIV kepada mangsa, 33, dan boleh dipenjara 14 tahun mengikut undang-undang Auckland.

Hukuman ke atas tertuduh dijangka diputuskan awal tahun depan.

Menurut akhbar itu, lelaki terbabit mendapati dia positif HIV pada 2004 ketika dia dan keluarganya menjalani pemeriksaan perubatan.

Bagaimanapun, isteri dan anaknya terhindar daripada virus berkenaan.

Walaupun begitu, wanita terbabit rela menjadi isterinya demi anak-anak mereka, tetapi ia tidak termasuk melayan kehendak suaminya di bilik tidur.

Wanita itu berkata, dia mngesan ada kesan tusukan halus pada paha kirinya Mei tahun lalu.

Dua hari kemudian, dia terjaga dari tidur apabila berasa sakit seperti disengat pada kakinya.

Ketika pemeriksaan perubatan berjadual empat bulan kemudian, wanita itu mendapati dia positif HIV dan suaminya mengaku selepas didesak. - AFP